

# Simulasi Perniagaan IPT peringkat ASEAN 2016

**Kuala Lumpur:** Simulasi Perniagaan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dinaik taraf menjadi pertandingan antarabangsa dengan penyertaan dibuka kepada negara ASEAN menjelang 2016.

Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan, Datuk Nasir Mat Dam, berkata bilangan usahawan muda menunjukkan peningkatan setiap tahun, namun pencapaian itu belum memberangsangkan.

Sehubungan itu, katanya, langkah menjadikan pertandingan itu bertaraf antarabangsa menepati Dasar Pembangunan Keusahawanan IPT yang dilancarkan kerajaan pada 2010.

## Gigih hadapi cabaran perniagaan

“Pertandingan bersifat amali ini berkesan kerana memberi pendedahan berguna dan menyemai kegigihan dalam menempuh pelbagai cabaran perniagaan.

“Teori dipelajari di IPT bermanfaat, namun lebih berkesan jika digabung pengalaman yang boleh ditimba di lapangan,” katanya pada sidang media selepas majlis penutup pertandingan itu di sini, semalam.

Sebanyak 19 IPT merangkumi swasta, awam dan politeknik menyertai pertandingan itu dengan modal maya RM10,000. +

Antara lain, peserta dikehendaki membentangkan rancangan perniagaan kepada pelabur yang merangkumi penggerak industri seperti MyEG, Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) dan Persatuan Industri Komputer dan Multimedia Malaysia (PIKOM).

Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (CEDI) Universiti Utara Malaysia (UUM), Unit Keusahawanan Kementerian Pendidikan serta Pusat Latihan Keusahawanan Malaysia (MyPEC) selaku pengangsur bersama menyelitkan beberapa kejutan seperti premis perniagaan ‘terbakar’ bagi menilai tahap kecekapan pengurusan peserta.

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) muncul juara dengan memasarkan idea jualan muruku alaf baharu yang mengetengahkan pelbagai perasa, berserta pembungkusan lebih kreatif.

UIAM membawa pulang RM10,000, sijil dan trofi, manakala Universiti Putra Malaysia (UPM) di tempat kedua.

Anugerah Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Terbaik diraih pelajar jurusan Ijazah Pentadbiran Perniagaan UPM, M Suzalia Edvina, yang menerima RM1,000, sijil dan pingat.



Pasukan UIAM berjaya membawa pulang RM10,000, sijil dan trofi dalam pertandingan Simulasi Perniagaan IPT kali ke-3 di Kuala Lumpur.

[FOTO ASMAN IBRAHIM/BH]